

24 OCT 1996

AGONG KIRIM PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN REPUBLIK PERSEKUTUAN AUSTRIA

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Austria, Dr Thomas Klestil sempena Hari Kebangsaan republik itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada Canselor Persekutuan Republik itu, Dr Franz Vranitzky.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata lawatan Vranitzky ke Malaysia baru-baru ini telah memberi dorongan ke arah usaha bagi memperkukuhkan hubungan erat dan mesra antara kedua-dua negara.

"Saya berharap rakyat kedua-dua negara akan berusaha untuk mempertingkatkan lagi kerjasama erat yang terjalin dan dengan bekerjasama rapat dapat membantu memperbaiki suasana ekonomi antara Malaysia dan Austria," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya, Wolfgang Schuessel. -- BERNAMA

AKT FAZ